

Sultan Nazrin mahu GISBH ditangani ke akar umbi



SULTAN NAZRIN SHAH

IPOH: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan isu berkaitan gerakan syarikat Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan ajaran sesat di negeri ini ditangani hingga akar umbi.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perkara itu antara yang dititahkan Sultan Nazrin semasa beliau menghadap baginda pada Isnin lalu.

Saarani berkata, Sultan Nazrin bertitah, isu GISBH dan ajaran sesat di negeri ini perlu diberi

penekanan yang serius kerana ia melibatkan akidah umat Islam.

"(Isnin) saya telah persembahkan kepada Tuanku laporan yang disediakan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Ia bukan sahaja berkaitan GISBH tetapi juga unsur-unsur bagi ajaran sesat.

"Tuanku akan mengambil tindakan untuk memanggil Mufti dan JAIPk bagi mengambil tindakan berikutnya kerana kita di Perak mempunyai Jawatankuasa Fatwa Negeri yang akan bersidang," katanya.

Beliau ditemui pemberita pada Penyampaian Insentif Kontinjen Sukan Malaysia (Sukma) dan Para Sukma Perak di temasya Sukma Sarawak kali ke 21 di sini, semalam.

Menurut Saarani, tindakan lanjut dalam isu tersebut termasuk aspek pemulihan terhadap ahli dan pengikut perlu dilaksanakan.

Katanya, ia akan melibatkan Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

"Isu ini perlu ditangani sehing-

ga akar umbi. Kita akan buat yang terbaik kerana sebahagian besar mereka yang mengikuti ajaran sesat tersebut diluar sedar," katanya.

Sebelum ini, Saarani memberitahu beliau mendapat perkenan Sultan Perak untuk menghadap dan menyembah maklum perkembangan isu GISBH di negeri ini.

Ia selepas hasil laporan terperinci termasuk operasi dan tanggapan disediakan JAIPk yang merupakan pihak bertanggungjawab mengendalikan kes tersebut.